

**CADANGAN SOALAN
TINJAUAN PENDAPAT UMUM BERSEMPENA SAMBUTAN HARI BAPA
PERINGKAT KEBANGSAAN 2021**

PENGENALAN

Bersempena dengan sambutan Hari Bapa Peringkat Kebangsaan 2021, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) sedang menjalankan satu tinjauan pendapat umum secara dalam talian untuk golongan bapa warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas serta mempunyai anak berumur 3 hingga 24 tahun sahaja.

Tinjauan ini hanya mengambil masa antara 5-8 minit sahaja untuk disempurnakan. Maklumat yang diperolehi adalah RAHSIA dan hanya digunakan bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan program intervensi yang bersesuaian. Perhatian dan kerjasama anda dalam memberi maklum balas serta menyebarkan pemakluman tinjauan ini amatlah dihargai.

Bahagian A: Maklumat Responden

1. Negeri: _____

2. Umur:
 - 18 - 24 tahun
 - 25 - 34 tahun
 - 35 - 44 tahun
 - 45 tahun dan ke atas

3. Etnik:
 - Melayu
 - Cina
 - India
 - Bumiputera Sabah
 - Bumiputera Sarawak
 - Lain-lain

4. Status Perkahwinan:
 - Berkahwin
 - Bercerai
 - Duda

5. Status Pekerjaan:

- Bekerja
- Bekerja sendiri
- Tidak bekerja

6. Pendapatan Isi Rumah (termasuk pasangan) : RM _____

Bahagian B: Peranan Bapa dalam Keluarga (Sihat dan Sejahtera)

7. Berdasarkan pernyataan dibawah, siapakah di antara anda atau pasangan yang melaksanakan tanggungjawab berikut:

| 1 | 2 | 3 |
|-------|--------|----------------|
| Suami | Isteri | Secara bersama |

Sebelum pandemik:

| | | | |
|------------------------------------------------------------------------------------------|---|---|---|
| i. Melakukan tugas rumah termasuk mengemas, memasak dan mencuci pakaian. | 1 | 2 | 3 |
| ii. Menjana dan menguruskan kewangan keluarga. | 1 | 2 | 3 |
| iii. Memastikan keperluan harian mencukupi. | 1 | 2 | 3 |
| iv. Mendidik anak-anak khususnya berkaitan ilmu keagamaan. | 1 | 2 | 3 |
| v. Memastikan pendidikan anak-anak terjaga . | 1 | 2 | 3 |
| vi. Memastikan ahli keluarga sentiasa berada dalam keadaan yang sihat, baik dan selamat. | 1 | 2 | 3 |
| vii. Memastikan anak-anak dibesarkan dengan penuh kasih sayang. | 1 | 2 | 3 |
| viii. Berkomunikasi dengan anak-anak termasuk menegur tingkah laku dan pertuturan | 1 | 2 | 3 |

Semasa pandemik:

| | | | |
|---------------------------------------------------------------------------|---|---|---|
| ix. Melakukan tugas rumah termasuk mengemas, memasak dan mencuci pakaian. | 1 | 2 | 3 |
| x. Menjana dan menguruskan kewangan keluarga. | 1 | 2 | 3 |
| xi. Memastikan keperluan harian mencukupi. | 1 | 2 | 3 |
| xii. Mendidik anak-anak khususnya berkaitan ilmu keagamaan. | 1 | 2 | 3 |
| xiii. Memastikan pendidikan anak-anak terjaga . | 1 | 2 | 3 |

| | | | |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---|---|---|
| xiv. Memastikan ahli keluarga sentiasa berada dalam keadaan yang sihat, baik dan selamat. | 1 | 2 | 3 |
| xv. Memastikan anak-anak dibesarkan dengan penuh kasih sayang. | 1 | 2 | 3 |
| xvi. Berkomunikasi dengan anak-anak termasuk menegur tingkah laku dan pertuturan. | 1 | 2 | 3 |
| xvii. Berkongsi maklumat dan infomasi terkini berkaitan bahaya dan risiko jangkitan virus Covid-19. | 1 | 2 | 3 |
| xviii. Memastikan ahli keluarga/anak-anak sentiasa peka dan mematuhi SOP yang ditetapkan termasuk pemakaian pelitup muka dan penjarakan fizikal. | 1 | 2 | 3 |
| xix. Meluangkan masa untuk membantu anak-anak dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR). | 1 | 2 | 3 |

8. Secara peribadinya, pada kebanyakan masa, bagaimanakah anda menyifatkan **GAYA ANDA SEBAGAI SEORANG BAPA**
- “Dengar cakap Bapa/Ayah/Abah, jangan membantah”*
 - “Belajar dari kesilapan dan perbaikinya”*
 - “Peraturan itu ada, tapi ia boleh dilanggar sekali-sekala”*
 - “Bebas berdikari untuk melakukan apa sahaja”*
9. Dengan penularan Covid-19 yang semakin berleluasa dalam negara, bagaimanakah anda berkongsi maklumat berkaitan Covid-19 dengan ahli keluarga, khususnya anak-anak anda? **[Pilihan Jawapan]**
- Kami berbual akan bahaya jangkitan dan pentingnya untuk sentiasa berada dalam keadaan sihat
 - Kami menonton berita dan rancangan TV bersama
 - Kami berkongsi maklumat melalui media sosial (termasuk *Whatsapp, Facebook dan Telegram*)
 - Kami berkongsi masalah dan perasaan (jika terdapat ahli keluarga/anak-anak yang mulai tertekan dan resah)
 - Kami **TIDAK** berbual tentang bahaya jangkitan Covid-19 serta perasaan ahli keluarga/anak-anak

Bahagian C: Kesejahteraan Bapa dalam Institusi Kekeluargaan

10. Secara jujurnya, bagaimanakah anda menilai tahap kesejahteraan anda sebagai seorang bapa, sebelum dan selepas pandemik Covid-19 melanda?
- Sangat semakin baik
 - Semakin baik
 - Semakin teruk
 - Sangat semakin teruk
 - Tiada perubahan**
11. Dengan penularan Covid-19 yang semakin berleluasa dalam negara, apakah **SATU** perkara yang paling membimbangkan anda, sekaligus mampu memberi impak kepada ahli keluarga dan anak-anak anda?
- Pendidikan anak-anak di sekolah/Pusat Pengajian Tinggi
 - Kesihatan dan keselamatan ahli keluarga/anak-anak
 - Ekonomi dan pendapatan keluarga
 - Keharmonian dan hubungan sesama ahli komuniti
 - Kestabilan politik dalam negara
 - Tidak pasti
12. Anda diberi **SATU** peluang untuk lakukan apa sahaja bersempena Hari Bapa (bersesuaian dengan arahan pihak berkuasa), apakah perkara tersebut?
- Berehat sepanjang hari
 - Membeli belah sepanjang hari/ Berbelanja barang keperluan sendiri
 - Melakukan penjagaan diri di pusat/spa kesihatan
 - “*Me Time*” bersama rakan - rakan
 - Menghabiskan masa seharian dengan menonton rancangan TV kegemaran
 - Keluar bersama pasangan tanpa anak-anak
 - Pulang ke rumah keluarga sendiri dan menghabiskan masa bersama ibu bapa dan adik beradik lain
 - Bersukan / Beriadah
 - Pergi melancong (dalam negara)
 - Mendapatkan cuti dari melakukan sebarang kerja
 - Diraikan dan menerima penghargaan seperti hadiah, duit dan sebagainya
 - Makan di restoran mewah atau restoran kegemaran
 - Mencukupi dengan sekadar ucapan atau kata-kata semangat bagi mengingati pengorbanan bapa

Bahagian D: Cabaran dan Persediaan Bapa Berkaitan Teknologi Digital

13. Berdasarkan pemerhatian anda, apakah perkara yang membimbangkan anda berkaitan penggunaan peranti teknologi digital dalam kalangan anak-anak? **[Pilihan Jawapan]**

- Leka terhadap pembelajaran
- Tiada hubungan/jaringan sosial bersama rakan-rakan
- Psikologi anak – anak terganggu
- Daya kreativiti anak – anak terbatas
- Ketagihan penggunaan gadget
- Mendatangkan kemudaratan dari segi kesihatan anak - anak
- Terdedah dengan pengaruh negatif media sosial / laman web yang tidak bermoral
- TIADA** permasalahan yang serius

14. **Sejauh manakah pernyataan berikut menerangkan penggunaan peranti teknologi digital dalam kalangan anak-anak anda:**

14.1 Adakah anak-anak anda dibenarkan untuk mempunyai peranti digital/gajet termasuk telefon pintar, *ipad* dan *tablet*?

- Ya
- Tidak (sila ke soalan 17)

14.2 Jika **YA**, mengapakah anda membenarkan anak anda menggunakan peranti digital/gajet di rumah? **[Pilihan Jawapan]**

- Untuk membangunkan kemahiran teknologi terkini
- Medium hiburan
- Medium pengajaran dan pembelajaran
- Medium komunikasi bersama rakan-rakan atau bersosial
- Mengelakkan anak-anak stress

14.3 Jika **YA**, apakah kaedah anda untuk memantau aktiviti penggunaan peranti digital/gajet dalam kalangan anak-anak? **[Pilihan Jawapan]**

- Menghadkan masa penggunaan
- Memasang aplikasi kawalan ibu bapa
- Hanya membenarkan penggunaan aplikasi mesra kanak-kanak
- Memeriksa perisian peranti dan laman web dilawati
- Tiada pemantauan

14.4 Jika **YA**, berapakah tempoh masa *ideal* untuk anak-anak menggunakan peranti digital/gajet?

- Kurang dari 1 jam sehari
- 1 – 2 jam sahaja dalam sehari

- 2 – 3 jam sahaja dalam sehari
 - Tidak melebihi 4 jam dalam sehari
 - TIADA** tempoh masa tertentu yang ditetapkan
15. **Walaupun sistem pendidikan di sekolah telah kembali pulih, sistem Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) adalah masa depan sistem pendidikan global. Apakah pandangan anda berdasarkan pernyataan berikut:**
- 17.1 Sebagai bapa, apakah **TIGA CABARAN UTAMA** buat anda sekiranya PdPR kembali dilaksanakan? **[Pilihan Jawapan]**
- Perlu meningkatkan akses internet jalur lebar di rumah
 - Perlu membuat pembelian tambahan peranti/gajet dan perisian komputer (*software*) untuk anak-anak
 - Perlu hadir ke pejabat dan **TIDAK DAPAT** memantau pembelajaran anak-anak di rumah
 - Bekerja dari rumah (*Work From Home*) tidak membantu saya untuk memantau pembelajaran anak-anak kerana terlalu sibuk
 - Tugas rumah (seperti memasak dan mengemas rumah) membataskan saya untuk memantau pembelajaran anak-anak meskipun saya tidak bekerja
 - Kurang mahir dengan kaedah dan perisian dalam talian yang digunakan oleh pihak sekolah untuk pembelajaran anak-anak
 - Kurang bantuan atau sokongan khusus berkaitan PdPR yang diberikan oleh pihak sekolah
 - Kurang bantuan atau sokongan untuk anak yang kurang upaya
 - TIADA** permasalahan yang serius
- 17.2 Adakah anda berasa yakin dengan kemahiran anda bagi menyokong dan menyelia pembelajaran digital anak anda di rumah?
- Sangat yakin
 - Yakin
 - Tidak yakin
 - Sangat tidak yakin
 - Tidak pasti
- 17.3 Sekiranya PdPR diteruskan, adakah anda memerlukan bantuan khusus dari pihak terbabit bagi membantu pembelajaran anak-anak, terutamanya melibatkan kaedah/perisian yang digunakan?
- Ya
 - Tidak
 - Tidak pasti

Sekian, terima kasih di atas kerjasama dan maklumat anda.